



09 FEB, 2025

Helikopter terlibat insiden di Bentong bukan milik TNB

Mingguan Malaysia, Malaysia



Helikopter terlibat insiden di Bentong bukan milik TNB

PUTRAJAYA: Helikopter yang terbabit dalam insiden di tapak projek Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Bentong, Pahang pagi Khamis lalu bukan milik TNB.

Sebaliknya, helikopter pengangkut jenis Bell 206L-4 Long Ranger itu didaftarkan di Indonesia dan melakukan kerja untuk syarikat tenaga itu.

Utusan Malaysia semalam melaporkan, tindakan penggantungan helikopter kedua yang terlibat dalam kerja-kerja

selenggara di tapak projek TNB di Bentong, Pahang tidak menjejaskan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang terletak berdekatan.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dilaporkan berkata, penggantungan itu bersifat sementara apabila berlaku sesuatu insiden.

“Saya rasa tidak (jejaskan projek) dan kerja-kerja ECRL diteruskan,” katanya pada sidang akhbar di sini kelmarin.

Sebelum ini, TNB mengarahkan pemberhentian kerja bagi penggunaan helikopter kedua yang terlibat dalam kerja-kerja penyelenggaraan di tapak projek TNB di kawasan Bentong.

Kejadian yang dilaporkan berlaku sekitar 10.39 pagi itu menyebabkan helikopter tersebut terbakar 100 peratus.

Helikopter berkenaan dipercayai sedang melakukan kerja-kerja keudaraan melibatkan pemasangan kabel projek TNB.